

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM UNTUK MERAIKAN T.Y.T.  
LI PENG, PERDANA MENTERI REPUBLIK RAKYAT CHINA

TEMPAT: SRI PERDANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 21 AUG 1997

MASA:

1. Saya ucapkan selamat datang dan mengalu-alukan lawatan Tuan Yang Terutama dan anggota-anggota rombongan ke Malaysia. Kami gembira Tuan Yang Terutama dapat kembali sekali lagi ke Malaysia sejak lawatan rasmi Tuan Yang Terutama yang terakhir pada Disember 1990.
2. Saya sendiri telah melakukan dua lawatan rasmi dan dua lawatan kerja ke Republik Rakyat China di antara tahun 1985 hingga 1996. Lawatan Tuan Yang Terutama kali ini memberi peluang kepada saya untuk membalas layanan baik dan mesra yang diberikan kepada saya dan rombongan semasa lawatan kami ke China. Saya dan isteri saya berharap Tuan Yang Terutama dan Puan Zhu Lin serta anggota-anggota rombongan yang lain akan gembira semasa berada di Malaysia.
3. Saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan rakyat Tuan Yang Terutama di atas kejayaan mengambil alih semula secara aman kedaulatan Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong baru-baru ini. Saya yakin hubungan Malaysia-Hong Kong akan menyumbang besar kepada perhubungan keseluruhan di antara kedua-dua negara kita.
4. Saya masih ingat bahawa lawatan Tuan Yang Terutama pada tahun 1990 telah mengorak satu langkah baru dalam perkembangan hubungan Malaysia-China, terutama daripada segi perdagangan, pelaburan dan hubungan antara rakyat kedua-dua negara. Sejak itu, beberapa pertukaran lawatan di peringkat tinggi telah mengukuhkan lagi rangkaian hubungan dan kerjasama di antara rakyat kita. Saya yakin lawatan Tuan Yang Terutama ke sini akan membuka satu lagi lembaran baru dalam hubungan Malaysia-China, dengan itu membolehkan kita merealisasikan sepenuhnya potensi kerjasama antara kedua-dua negara.
5. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada Kerajaan Tuan Yang Terutama di atas persiapan cemerlang bagi menjayakan lawatan rasmi Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ke China pada Julai tahun ini. Lawatan tersebut meninggalkan kesan yang kekal terhadap tamadun purba China yang masyhur itu serta memberi pemahaman terhadap usaha-usaha yang

sedang dijalankan untuk membangun dan memodenkan ekonomi China.

6. Saya juga gembira mendapati hubungan diplomatik dan politik di antara kedua-dua negara berjalan seiring dengan kemajuan pesat dalam hubungan dua hala ekonomi kita. Pada tahun 1996, jumlah dagangan antara kedua-dua negara mencapai RM9.45 ribu juta daripada RM1.2 ribu juta dalam tahun 1995. Malaysia yakin kerjasama perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara akan terus berkembang memandangkan prestasi ekonomi China yang cemerlang. Malaysia berharap apabila China terus mengliberalkan perdagangannya, peluang-peluang akan terus terbuka kepada Malaysia untuk meningkatkan eksport, terutama barang-barang pembuatan dan separuh siap.

7. Adalah menggalakkan juga bahawa hubungan Malaysia-China telah berkembang meliputi kerjasama dalam bidang pendidikan. Kami mengalu-alukan penubuhan Pusat Kajian Melayu di Universiti Pengajian Luar Beijing. Adalah diharapkan penuntut-penuntut China yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran mereka di Malaysia akan melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan asas Bahasa Melayu di Pusat tersebut sebelum datang ke Malaysia.

8. Malaysia terus kagum dengan pencapaian besar ekonomi China, selaras dengan reformasi ekonomi dan dasar pintu terbukanya. Kami sedar bahawa China, dengan bilangan penduduk seramai 1.2 ribu juta orang, menghadapi tugas yang amat berat dalam usaha mencapai pembangunan sosio-ekonominya. Dalam memenuhi aspirasi nasional rakyat China untuk pembangunan, Kerajaan China juga membuat sumbangan bersungguh-sungguh ke arah keamanan, kestabilan dan kemakmuran di seluruh rantau ini.

9. Semasa lawatan terakhir Tuan Yang Terutama pada Disember 1990, China masih merupakan bakal rakan dailog ASEAN pada masa itu. Hari ini, saya berasa gembira bahawa China sejak tahun lalu telah menjadi rakan dailog penuh ASEAN. Perwujudan hubungan dailog ini menandakan satu era baru dalam kerjasama ASEAN-China.

10. ASEAN dan China mempunyai peranan yang utama dalam meningkatkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini. Sehubungan ini Malaysia mengalu-alukan penyertaan Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin di Sidang Kemuncak tidak rasmi ASEAN pada bulan Disember tahun ini. Saya juga menghargai sokongan China ke atas cadangan ASEAN untuk negara-negara Asia Timur terlibat dalam pertukaran pandangan mengenai perkara-perkara yang menyentuh soal keamanan, kestabilan dan pertumbuhan ekonomi rantau ini. Saya yakin cadangan ini akan menjadi realiti dalam waktu yang tidak berapa lama lagi dan akan mencatatkan satu lagi sejarah baru dalam bidang kerjasama di kalangan negara-negara Asia

Timur.

11. Izinkan saya melahirkan penghargaan kami atas penyertaan aktif China dalam projek-projek di bawah Kerjasama Pembangunan ASEAN-Lembah Mekong (AMBDC). Kami yakin dengan sokongan China, AMBDC boleh mencapai matlamat dan tujuannya untuk membawa pembangunan dan kemajuan ke rantau ini.

12. Kemboja terus mendapat perhatian Malaysia dan kami sedih dengan keadaan di sana. Malaysia percaya bahawa ASEAN mesti meneruskan peranannya untuk membantu rakyat Kemboja mencari penyelesaian damai bagi masalah yang mereka hadapi sekarang. ASEAN mengalu-alukan sumbangan China dalam usaha bersama untuk mencapai penyelesaian damai tersebut agar Kemboja dapat menumpukan tenaganya ke arah pembangunan negaranya. Kami berharap Kemboja dapat menjadi anggota keluarga ASEAN.

13. Keadaan di Semenanjung Korea terus mendapat perhatian kami semua. Kami berharap rundingan damai empat negara akan menandakan permulaan proses dialog yang akan menghasilkan penyelesaian yang berkekalan terhadap masalah di Semenanjung Korea. Peranan dan sumbangan China dalam proses itu telah meningkatkan harapan kejayaan dalam usaha tersebut. Kami di Malaysia bersedia untuk menyumbang dalam apa juga cara yang terdaya dalam usaha untuk membawa keamanan yang kekal di Semenanjung tersebut. Kita tidak boleh bersikap tidak endah terhadap nasib rakyat Republik Demokratik Rakyat Korea ketika mereka memerlukan bantuan makanan dan keperluan asas untuk hidup akibat kebuluran. Kami menggesa masyarakat antarabangsa supaya bertindak segera menyahut seruan kemanusiaan dengan menghulurkan bantuan makanan kepada mangsa-mangsa yang tidak berdaya terutama kanak-kanak, yang kurang upaya dan orang tua.